

BH FAMILI

WAKTU KERJA ANJAL
BANTU WANITA
BERKERJAYA

Muka 8



Sempena Hari Pekerja

BH 1/5/2015 mls 6



Wanita penting dalam pasaran pekerjaan

» Sumbangan tenaga amat besar bantu bangunkan negara

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Hari ini, saban tahun seluruh dunia meraikan sambutan Hari Pekerja yang juga diiktiraf cuti umum. Sudah tentu sebagai pekerja, tarikh itu mempunyai signifikan tersendiri.

Dengan adanya hari cuti umum ini, negara mengiktiraf sumbangan tenaga kerja yang berperanan penting memacu pembangunan mapan tanpa mengira di mana seseorang itu bertugas, pangkat atau organisasi yang dinaunginya.

Malaysia melaksanakan gaji minimum bermula 1 Januari 2014 dengan menetapkan RM800 bagi Sabah dan Sarawak, manakala Semenanjung Malaysia adalah RM900.

Ini menyaksikan wanita tidak ketinggalan dari segi peranannya membangunkan ekonomi negara, sekali gus menonjolkan diri sebagai kakitangan yang memiliki integriti dan berkebolehan tinggi.

Hal ini membuktikan karakter lemah lembut, penyayang dan keibuan, tidak menghalang wanita memegang jawatan kanan sesebuah organisasi.

Di sebalik individu penting pembuat keputusan, wanita juga menyumbang tenaga dalam sektor pembuatan, tenaga kerja kurang mahir dan sebagainya yang dianggap kasar serta bidang dikuasai lelaki.

Ini membuktikan masing-masing mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi membentuk sebuah negara maju dan makmur.

Manfaatkan kepakaran

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Madeline Berma, berkata kewujudan wanita amat relevan dalam pembangunan negara dan ada peranan tersendiri.

Katanya, wanita sama ada di sektor awam atau swasta wajar diberi penghormatan menerusi sumbangan yang dicurahkan demi kemajuan syarikat dan pembangunan negara. **◉ Muka 7**





Imbangi kerjaya, keluarga

Sebagai Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM, Madeline mempunyai matlamat penting bagi memperkasakan wanita.

“Antaranya adalah meningkatkan peratusan wanita dalam peringkat pengurusan tertinggi, pengurusan kanan dan pengurusan pertengahan.

“Saya berazam mewujudkan kuota bagi sektor swasta untuk menambah wanita

Tenaga kerja wanita masih rendah



Madeline berkata, kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja meningkat seiring dengan pembangunan ekonomi, sekali gus menggalakkan wanita memanfaatkan kepelbagaian dalam bidang yang diceburi.

“Umumnya, tenaga kerja wanita meningkat seiring pembangunan ekonomi. Semakin membangun ekonomi negara, semakin meningkat penyertaan wanita dalam tenaga kerja.”

“Malaysia memang mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi tinggi, namun kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja masih rendah, iaitu sekitar 52.4 peratus pada tahun 2014,” katanya yang menjelaskan kadar berkenaan adalah terendah dalam kalangan negara ASEAN.

Wanita dominasi menara gading
Hampir keseluruhan pendaftaran pelajar baharu adalah penuntut wanita. Hal ini tidak disangkal lagi apabila golongan Hawa lebih ramai menjejaki kaki ke menara gading.

Madeline berkata, wanita memang mendominasi bilangan masuk ke universiti, namun peratusan mereka dalam tenaga kerja masih disifatkan rendah.

“Kira-kira 70 peratus daripada pelajar universiti awam adalah wanita. Peratusan mereka yang berada dalam tenaga kerja masih rendah, berbanding peratusan mereka yang berjaya mendapat pendidikan tinggi.”

“Kira-kira 33 peratus wanita menyertai kumpulan pembuat keputusan dalam sektor awam meskipun golongan ini dilihat paling ramai di universiti.”

“Di sektor swasta pula, wanita hanya diwakili kira-kira 24 peratus dalam syarikat tersenarai awam,” katanya.

Beza wanita di luar negara

Dalam perkembangan lain, Madeline berkata, negara mencatat satu kemuncak dari segi penyertaan wanita dalam tenaga kerja mengikut umur.

“Berbanding Jepun dan Korea Selatan, negara berkenaan mencatatkan dwi-kemuncak. Ini bermakna wanita Malaysia memasuki pasaran kerja apabila beliau tamat pengajian tinggi ketika berusia sekitar 25 tahun dan berhenti kerja bagi memberi tumpuan terhadap keluarga.”

“Berbeza wanita Korea Selatan dan Jepun, mereka memasuki kerja dengan kelulusan ijazah, kemudian membina keluarga, namun pada masa sama mengekalkan bidang pekerjaan yang diceburi,” katanya.

Katanya, perbezaan antara satu kemuncak dan dua kemuncak menunjukkan wanita Malaysia tidak kembali bekerja dengan alasan menumpukan perhatian kepada keluarga meskipun ramai di antaranya yang mahu bekerja.

Banyak kekangan

Dari segi kedudukan dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia mencatatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita lebih rendah iaitu 52.4 peratus, berbanding Singapura (59 peratus), Thailand (65 peratus) dan Vietnam (73 peratus).

Dalam keterbukaan wanita, ada perkara yang mengekang golongan ini untuk terus menumpukan perhatian dalam kerjaya, membuatkan ramai terpaksa mengorbankan kerjaya impiannya.

Madeline berkata, banyak perkara yang menyumbang kepada wanita untuk memilih meninggalkan bidang kerjaya.

Antaranya kerana mereka memerlukan waktu bekerja fleksibel. Kebanyakan mereka



yang sudah berhenti kerja sebenarnya ingin kembali bekerja.

“Kajian menunjukkan kira-kira 67 peratus wanita menyatakan mereka memerlukan sokongan dalam bentuk waktu bekerja fleksibel.”

“Selain itu, faktor budaya menghalang wanita untuk bekerja dan berada di kedudukan membuat keputusan dalam sesebuah organisasi,” katanya.

Katanya, halangan wanita untuk terus bekerja kerana mereka kurang diberi kepercayaan atau dianggap sesuai menjadi pemimpin nombor satu, tetapi diberi jawatan sekadar timbalan atau setarafnya.

“Dalam hal lain pula, kebanyakan organisasi tidak menyediakan kemudahan mesra keluarga yang menyebabkan wanita tidak selesai bekerja,” katanya.



“
Saya berazam mewujudkan kuota bagi sektor swasta untuk **menambah wanita berada di peringkat membuat keputusan dan menghargai kepelbagaian gender, etnik serta umur**”

Madeline Berma,
Pengaruh Pusat
Kepimpinan Wanita
Tun Fatimah Hashim
UKM

untuk menambatkan wanita berada di peringkat membuat keputusan dan menghargai kepelbagaian gender, etnik serta umur,” katanya.

Persekitaran kondusif

Katanya, pada sama sama, beliau mahu lebih ramai lagi wanita kembali bekerja, mengekalkan golongan itu dalam tenaga kerja dan menyediakan persekitaran kondusif agar dapat mengimbang kerjaya serta keluarga.

“Matlamat ini boleh dicapai jika syarikat awam dan swasta mengamalkan waktu bekerja fleksibel seperti membenarkan pekerja pulang lebih awal.”

“Selain itu, majikan juga harus membenarkan pekerja secara bermusim, perkongsian kerja, tugas berasaskan projek, waktu kerja anjal, kerja separuh masa, kerja dari rumah dan perkongsian kerja,” katanya.

